

10/03/1997

Tiga perjanjian usaha sama sempena pelancaran MSABC

SEMPENA pelancaran rasmi Majlis Perniagaan Malaysia-Afrika Selatan (MSABC) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Nelson Mandela, dari Afrika Selatan, tiga perjanjian usaha sama antara firma kedua-dua negara ditandatangani, di Kuala Lumpur, kelmarin.

Tiga perjanjian itu ditandatangani Plessey dan Jaringan Infrastruktur Sdn Bhd, Trakprops 31 Pty Ltd dan ABI Construction Sdn Bhd dan MK Melafane Pty Ltd dan Diversified Systems Sdn Bhd.

Majlis menandatangani perjanjian berkenaan dilakukan pada majlis makan tengah hari dan ucapan utama Mandela anjuran Dewan Perdagangan dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM).

Turut hadir dalam majlis itu ialah Naib Presiden NCCIM, Senator Datuk VKK Teagarajan serta usahawan dari kedua-dua negara.

Penubuhan MSABC bertujuan mengeratkan kerjasama perdagangan antara usahawan kedua-dua negara.

Pada majlis itu juga Perdana Menteri dan Mandela melancarkan secara rasmi pembukaan Southern Bank of Afrika yang dijangka beroperasi sepenuhnya di Johannesburg April ini, adalah usaha sama antara Killingshall (M) Bhd dan National Empowerment Trust Investment Fund Pty Ltd (NETIF) Afrika Selatan.

Sementara itu, perjanjian pertama yang ditandatangani antara Jaringan Infrastruktur Sdn Bhd (JISB) dan Plessey membabitkan pelaburan bernilai RM150 juta untuk melaksanakan projek Jaringan Selangor.

JISB adalah konsortium empat syarikat yang ditubuhkan untuk melaksanakan Projek Jaringan Selangor, iaitu pembangunan rangkaian infrastruktur telekomunikasi bawah tanah untuk kegunaan pengendali syarikat telekomunikasi di Selangor.

Konsortium JISB, diwakili Permodalan YBK Sdn Bhd dengan 30 peratus ekuiti, SAP Holdings Berhad 30 peratus, Ingress Software 20 peratus dan baki 20 peratus ekuiti lagi dipegang oleh Inai Kristal Sdn Bhd.

JISB diwakili Pengerusi Eksekutifnya, Kamarudin Ahmad manakala Plessey diwakilili Ketua Eksekutifnya Dr John Temple.

Mengikut perjanjian itu JISB melantik Plestel (M) Sdn Bhd, anak syarikat Plessey, Afrika Selatan, syarikat telekomunikasi antarabangsa yang turut menjalankan projek telekomunikasi di seluruh dunia untuk melaksanakan projek sistem saluran telekomunikasi (gentian optik) bawah tanah.

Sistem itu melambangkan pemodenan pembangunan infrastruktur di Selangor di samping mewujudkan sistem kerajaan elektronik Selangor hingga membolehkan penggunaan video conferencing bagi mempertingkatkan prestasi perkhidmatan kerajaan negeri.

Kamarudin berkata, Projek Jaringan Selangor akan menyumbang kepada Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang terletak dalam negeri Selangor, jadi kerajaan Selangor berasakan inilah masanya ia perlu mengambil langkah segera bagi menyediakan infrastruktur sokongan untuk memastikan kejayaan MSC.

Kamarudin berkata, projek yang dijangka dimulakan Jun ini itu akan dilaksanakan dalam tiga fasa untuk tempoh lima tahun.

"Fasa pertama membabitkan proses penyediaan gentian fiber bawah tanah sejauh 56 kilometer manakala fasa kedua dan ketiga masih dalam perancangan," katanya.

(END)